

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 11 OGOS 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 26

Ekonomi suku kedua dijangka berkembang 2.8 peratus

Ekonomi suku kedua dijangka berkembang 2.8 peratus

Pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi suku kedua tahun ini dijangka berkembang sederhana kemungkinan 2.8 peratus berdasarkan beberapa petunjuk ekonomi sedia ada, demikian kata penganalisis.

Penganalisis TA Securities, Farid Burhanuddin, berkata perangkaan ekonomi dikeluarkan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menunjukkan petanda KDNK benar bagi suku kedua 2023 berkembang lebih perlahan. Beliau berkata, pada suku ke-

dua 2023, Indeks Volum Perkhidmatan terus berkembang, tetapi pada kadar sederhana 5 peratus berbanding 8.8 peratus pada suku pertama 2023.

Justeru, pihaknya percaya pertumbuhan sektor perkhidmatan dalam KDNK benar suku dikaji itu mempunyai kecenderungan tidak mencapai jangkakan awal pihaknya sebanyak 5.2 peratus, katanya.

Jelasnya, ketika ini jangkakan TA Securities ialah 4.7 peratus yang menunjukkan penurunan jelas daripada per-

tumbuhan 7.3 peratus dicatat suku pertama 2023.

"Sebahagian besar data ekonomi yang diumumkan memberi petunjuk bahawa KDNK benar suku kedua 2023 mungkin berkembang pada kadar sederhana.

"Secara ketara, trajektori ini berpotensi untuk berbeza daripada jangkakan awal kami, lebih condong kepada lebih rendah daripada ambang jangkakan awal kami sebanyak 3.2 peratus, mungkin berada di sekitar 2.8 peratus," katanya dalam nota penyelidikannya.

Farid berkata, memandangkan perbezaan antara jangkakan pihaknya dan perangkaan yang dikeluarkan tidak begitu besar, buat masa ini pihaknya masih mengekalkan sasaran pertumbuhan KDNK sebanyak 4.2 peratus untuk keseluruhan 2023.

Beliau berkata, sebarang penyesuaian potensi terhadap unjuran akan ditangguhkan sehingga data sebenar KDNK diumumkan yang dijadualkan dikeluarkan pada 18 Ogos ini. Berdasarkan perangkaan

sedia ada, peranan penting sektor perkhidmatan dalam ekonomi benar telah menunjukkan hubungan kukuh dengan Indeks Volum Perkhidmatan iaitu 99.6 peratus dari awal 2018 hingga akhir 2022.

Pada 2022, sektor perkhidmatan menyumbang sebahagian besar iaitu 58.2 peratus kepada ekonomi negara secara keseluruhan.

Ia sekali gus menunjukkan betapa pentingnya peranan sektor perkhidmatan dalam mendorong aktiviti ekonomi.